

SULIT

1249/1

1249/1
Sejarah
Kertas 1
Sept
2011
1 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK 2011

SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

1 Senarai berikut merujuk kepada sistem tulisan dalam tamadun awal manusia

- Hieroglif
- Cuneiform
- Ideogram

Apakah peranan sistem tulisan tersebut?

- A Membasmi buta huruf
- B Mengukuhkan kedudukan raja
- C Menyebarluaskan ilmu pengetahuan
- D Meningkatkan taraf hidup

2 Maklumat berikut merujuk kepada undang-undang yang terdapat dalam tamadun Mesopotamia.

Kod Undang-Undang Hammurabi

Bagaimanakah undang-undang tersebut dapat dipatuhi oleh rakyat?

- A Amalan sehari-hari
- B Hafalan oleh penduduk
- C Pameran di tempat awam
- D Serap dalam ajaran agama

3 Sekiranya anda seorang warganegara lelaki di Athens, anda layak menganggotali

- A Dewan Senat
- B Dewan Negara
- C Dewan Rakyat
- D Dewan Perhimpunan

4 Maklumat berikut merujuk kepada kaedah pertanian yang diamalkan pada zaman Dinasti Tang di China.

Sistem Tanaman Bergilir

Mengapa sistem tersebut diamalkan?

- A Menjimatkan masa
- B Meminimumkan kos
- C Mengurangkan tenaga kerja
- D Mengelakkan kesuburan tanah

5 Pada zaman pemerintahan Raja Indravarman 1, kerajaan Angkor telah membina sistem pengairan yang mampu mengairi kawasan seluas 12.5 juta ekar.

Apakah kesan pembinaan tersebut?

- A Pertambahan kawasan petempatan
- B Kemajuan sistem pertanian pindah
- C Keperluan beras negara mencukupi
- D Pengeluaran hasil hutan berkurangan

6 Senarai berikut merujuk kepada kerajaan maritim yang terdapat dalam tamadun awal Asia Tenggara

- Kedah Tua
- Srivijaya

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan tersebut?

- A Mementingkan perluasan kuasa
- B Kawasan pertanian yang luas
- C Pusat pengajian agama Hindu
- D Ekonomi berasaskan perdagangan

7 Senarai berikut merujuk kepada ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliah

- Mementingkan suku kaum
- Mengamalkan sistem kabilah

Apakah kesan amalan tersebut?

- A Kerajaan sering bertukar ganti
- B Kelemahan institusi keluarga
- C Kemunculan semangat assabiah
- D Kemerosotan kegiatan perdagangan

8 Apakah pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w ketika menyampaikan dakwah Islamiah?

- I Menunjukkan teladan yang baik
 - II Memberikan ganjaran lumayan
 - III Menguasai bidang perniagaan
 - IV Membandingkan akhlak masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9 Senarai berikut merujuk kepada tokoh yang telah terlibat dalam perkembangan Islam.

- Amir bin Fuhairah
- Abdullah bin Arqat

Apakah sumbangan mereka?

- A Meneruskan dakwah ke Taif
- B Membebaskan golongan hamba
- C Merintis Perjanjian Hudaibiyah
- D Membantu Rasulullah berhijrah ke Madinah

10 Nabi Muhammad s.a.w. membuka semula Kota Makkah pada tahun 630 M.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Peningkatan ekonomi
- B Pertambahan penduduk
- C Penyebaran Islam meluas
- D Pengukuhan sistem kabilah

11 Apakah cabaran terbesar yang dihadapi umat Islam selepas kewafatan nabi Muhammad s.a.w.?

- A Pemilihan bakal pemimpin
- B Perpecahan umat Islam
- C Penentangan orang Yahudi
- D Pemansuhan sistem khalifah

12 Baitulhikmah ditubuhkan semasa zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid.

Apakah peranan institusi tersebut?

- A Menguruskan harta kerajaan
- B Menyelaraskan tugas khalifah
- C Menjalankan kegiatan penterjemahan
- D Mengendalikan perlantikan pegawai kerajaan

13 Jadual berikut merujuk kepada teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Tokoh	S.Q. Fatimi
Teori	Islam datang dari China

Apakah bukti yang mengukuhkan teori tersebut?

- A Penggunaan tulisan jawi
- B Perkampungan di Sumatera Utara
- C Penemuan Batu Bersurat Terengganu
- D Pengislaman raja dalam karya tempatan

14 Apakah usaha kerajaan Johor-Riau menyebarkan Islam setelah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Bekerjasama dengan Siam
- B Berperang dengan Portugis
- C Mengukuhkan institusi raja
- D Meluaskan pengaruh Wali Songo

15 Senarai berikut merujuk kepada hasil kesusasteraan zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Hikayat Muhamad Ali Hanafiah
- Hikayat Amir Hamzah

Apakah kepentingan hasil kesusasteraan tersebut?

- A Mengagungkan raja Melaka
- B Menggalakkan usaha dakwah
- C Menggalakkan semangat bekerja
- D Menaikkan semangat menentang musuh

16 Maklumat berikut merujuk kepada sebuah institusi yang diwujudkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Baitulmal

Mengapakah institusi tersebut diperkenalkan?

- A Menetapkan kadar cukai
- B Menguruskan harta kerajaan
- C Mengendalikan urusan pertabalan
- D Menentukan bidang tugas pembesar

- 17 Pada Zaman Pertengahan di Eropah, Gereja Katolik merupakan institusi yang amat berkuasa. Apakah aspek yang ditekankan oleh gereja tersebut?

- A Pengukuhan institusi keluarga
- B Pembelajaran ilmu akhirat
- C Penerokaan wilayah baru
- D Perpaduan rakyat jelata

- 18 Jadual berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani oleh Portugal dan Sepanyol

Tahun	Peristiwa
1494	Perjanjian Tordesillas

Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Mengelakkan perperangan
- B Menentang pengaruh Islam
- C Memonopoli rempah ratus
- D Menguasai laluan perdagangan

- 19 Senarai berikut merujuk kepada cara kemasukan buruh India ke Tanah Melayu

- Majikan membiayai kos tambang buruh
- Bekerja dalam tempoh 1 – 3 tahun

Apakah cara kemasukan buruh tersebut?

- A Sistem Pengambilan Kakitangan
- B Sistem Tiket Kredit
- C Sistem Kangani
- D Sistem Kontrak

- 20 Mengapakah Rancangan Sekatan Stevenson diperkenalkan pada tahun 1922 di Tanah Melayu?

- A Menentukan penggunaan benih bermutu
- B Mengawal kejatuhan harga
- C Mengatasi masalah tenaga buruh
- D Memperkenalkan sistem perladangan

- 21 Apakah maksud imperialisme?

- A Pengenalan ekonomi moden
- B Penjajahan wilayah lain
- C Penyebaran budaya luar
- D Pembebasan kuasa politik

- 22 Sebelum kedatangan Perancis, sistem birokrasi Vietnam diketuai oleh golongan Mandarin. Golongan ini dipilih melalui

- A pungutan suara
- B peperiksaan
- C pilihan raya
- D perwarisan

- 23 Maklumat berikut merujuk kepada tindakan James Brooke di Sarawak pada tahun 1853.

Menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang

Mengapa beliau bertindak sedemikian?

- A Menganggap penduduk sebagai lanun.
- B Membalas serangan penduduk tempatan.
- C Mengurangkan pengaruh pemimpin tempatan
- D Mendapatkan hak memungut cukai.

- 24 Apakah idea yang diperjuangkan oleh Kaum Muda pada abad ke-20 di Tanah Melayu?

- A Pengukuhan institusi beraja
- B Penubuhan syarikat kerjasama
- C Pembentukan negara yang merdeka
- D Penekanan terhadap kemajuan dunia


- 25 Apakah yang menentukan kuasa seseorang raja dalam kerajaan Melayu tradisional?

- A Kesetiaan rakyat
- B Kekuatan tentera
- C Kegiatan ekonomi
- D Kekayaan harta bumi

- 26 Apakah sumbangan Sultan Muhammad II terhadap sistem pentadbiran di Kelantan?

- A Membentuk Sistem Jemaah Menteri
- B Memperkenalkan perlombagaan negeri
- C Mengasaskan sistem pemerintahan beraja
- D Melantik kerabat diraja mengetuai pentadbiran

- 27 Rajah berikut merujuk kepada akhbar yang terlibat dalam penentangan terhadap Malayan Union.



Apakah X?

- A Neraca
- B Al Imam
- C Lidah Benar
- D Utusan Melayu

- 28 Maklumat berikut merujuk kepada prinsip kewarganegaraan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Kerakyatan jus soli telah diberi kepada rakyat Raja Melayu dan Rakyat British.

Apakah yang dimaksudkan dengan rakyat Raja Melayu?

- A Berketurunan Raja-Raja Melayu
- B Menetap di negeri naungan British
- C Mereka yang tinggal di Negeri-Negeri Selat
- D Orang Melayu yang lahir di sesbuah Negeri Melayu

- 29 Gerakan anti-penyerahan di Sarawak pada tahun 1940-an mengalami kegagalan. Mengapakah keadaan ini berlaku?
- A Pemimpin tidak bersatu
 - B Penduduk tidak berpendidikan
 - C Pengeluaran surat amaran British
 - D Penduduk menggunakan kekerasan
- 30 British telah memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu pada tahun 1951. Apakah kepentingan sistem tersebut?
- A Mengukuhkan kuasa politik penjajah
 - B Melatih penduduk dalam pentadbiran
 - C Memulihkan kuasa pembesar Melayu
 - D Menjamin hak istimewa orang Melayu
- 31 Mengapakah Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) gagal mendapat sambutan dari kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu?
- A Bimbang perniagaan mereka terjejas
 - B Tidak berminat dalam kegiatan politik
 - C Perpaduan terlalu asing kepada mereka
 - D Tidak bersetuju dengan perjuangan parti
- 32 Mengapakah Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada tahun 1956?
- A Menjayakan pembentukan Malaysia
 - B Menentukan bakal pemerintah negara
 - C Mewujudkan pakatan murni pelbagai kaum
 - D Menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- 33 Mengapakah British bersetuju dengan cadangan pembentukan Malaysia?
- A Menyekat pengaruh komunis
 - B Mewujudkan pasaran yang luas
 - C Mengukuhkan kedudukan politik British
 - D Menjamin bekalan bahan mentah berterusan
- 34 Maklumat berikut merujuk kepada tuntutan Sabah dan Sarawak sebelum menyertai gagasan Malaysia.

Perkara 20


Mengapakah tuntutan ini penting?

- I Kuasa autonomi dalam bidang ekonomi
 - II Menjaga kebajikan pribumi
 - III Memastikan identiti penduduk terpelihara
 - IV Sarawak diberi kemerdekaan terlebih dahulu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Mengikut sistem pilihan raya di Malaysia, seseorang yang diistiharkan muflis tidak layak

- A menjadi calon pilihan raya
- B mendaftar sebagai pengundi
- C menyertai sebarang parti politik
- D menjalankan kempen pilihan raya

36 Maklumat berikut merujuk kepada konsep pengasingan kuasa dalam sistem kerajaan persekutuan di Malaysia.



Mengapakah konsep tersebut diwujudkan?

- A Mengelak pembolotan kuasa
- B Menstabilkan pentadbiran negara
- C Memajukan sistem ekonomi persekutuan
- D Memudahkan proses penggubalan undang-undang

37 Mengapakah Dasar Penswastaan diperkenalkan pada bulan Mac 1983?

- A Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- B Menghapuskan kemiskinan luar bandar
- C Merapatkan jurang ekonomi penduduk
- D Melambangkan identiti tempatan

38 Apakah faedah yang diperoleh daripada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)?

- A Melahirkan semangat kenegerian
- B Meningkatkan kegiatan ekonomi
- C Menggeratkan perpaduan antara kaum
- D Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang

39 Senarai berikut merujuk kepada pakatan negara-negara Eropah pada awal abad ke-20

- Perikatan Kuasa Tengah
- Pakatan Bertiga

Pakatan ini telah menyebabkan berlakunya

- A Perang Dunia Pertama
- B Perang Dunia Kedua
- C Perang Saudara
- D Perang Dingin

40 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ditubuhkan pada September 1961.

Apakah matlamat pergerakan tersebut?

- A Menyaangi ekonomi negara maju
- B Mengelakkan keamanan dunia
- C Mewujudkan pasaran tanpa sempadan
- D Menyelesaikan pertelingkahan antara negara

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1249/2

Sejarah
Kertas 2
Sept 2011
2½ jam

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



ياباـسـن فـيـراـقـ
YAYASAN PERAK



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK 2011**

SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan, Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, Sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

- 1 Masyarakat Asia Tenggara mula menerima dan mengamalkan pengaruh kebudayaan Hindu Buddha sejak abad ketiga lagi.

- (a) Nyatakan **dua** cara pengaruh Hindu Buddha disebarluaskan ke Asia Tenggara

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Senaraikan **dua** pengaruh Hindu Buddha dalam bidang pentadbiran kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Apakah kepentingan candi kepada kerajaan awal di Asia Tenggara ?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (d) Nyatakan peranan bahasa sanskrit dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (e) Pada pendapat anda, bagaimanakah generasi muda kini dapat mempertahankan kebudayaan kebangsaan daripada pengaruh budaya luar?

(i)

(ii)

[2 markah]

2 Nabi Muhammad s.a.w. telah menandatangani perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua dengan suku Arab sebelum berhijrah ke Madinah

(a) Namakan **dua** suku Arab yang menandatangani perjanjian tersebut

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** isi perjanjian Aqabah Pertama

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** isi perjanjian Aqabah Kedua

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Berikan **dua** kesan daripada perjanjian tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada peristiwa perjanjian tersebut?

(i)

(ii)

[2 markah]

3 Menjelang abad ke-20, terdapat pelbagai persatuan Melayu muncul bagi membincangkan masalah dan persoalan bangsa Melayu

(a) Nyatakan **dua** contoh persatuan Melayu yang telah ditubuhkan di Tanah Melayu

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah matlamat perjuangan persatuan Melayu di Sarawak?

(i)

[1 markah]

(c) Senaraikan **dua** usaha yang telah dilakukan oleh Kesatuan Melayu Muda untuk mencapai matlamat politiknya

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Berikan **dua** isu yang dibincangkan persatuan-persatuan tersebut pada ketika itu

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, mengapakah orang Melayu pada masa itu digalakkan menubuhkan persatuan?


(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

4 Rajah berikut merujuk kepada usaha ke arah pembentukan perpaduan kaum di Malaysia



(a) Senaraikan usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Apakah tujuan aktiviti sukan digalakkan oleh kerajaan?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah perpaduan penting kepada masyarakat di negara kita?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah semangat perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum di sekolah?

(i)

(ii)

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]


Jawab **tiga** soalan sahaja

- 5 Sebelum kedatangan Barat, masyarakat Melayu telah mengamalkan sistem pentadbiran dan politik yang dipengaruhi oleh Islam.
- (a) Nyatakan pengaruh Islam dalam sistem pentadbiran dan politik di Tanah Melayu. [8 markah]
- (b) Bagaimanakah raja mengukuhkan kedudukan baginda dalam pemerintahan? [6 markah]
- (c) Sebagai seorang rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu mempertahankan beraja di negara kita? [6 markah]
- 6 Kemasukan buruh asing secara besar-besaran dari China dan India ke Tanah Melayu bermula sejak kurun ke-19.
- (a) Jelaskan sebab-sebab kedatangan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu [6 markah]
- (b) Terangkan cara kemasukan buruh asing ke Tanah Melayu
- i. Buruh dari China. [4 markah]
- ii. Buruh dari India [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan kehadiran buruh asing ke Tanah Melayu pada ketika itu? [6 markah]
- 7 Imperialisme Barat telah memperkenalkan beberapa perubahan dalam sistem politik di negara-negara Asia Tenggara.
- (a) Nyatakan perubahan-perubahan yang diperkenalkan mereka. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan pelaksanaan sistem birokrasi Barat terhadap pemerintahan tradisional negara-negara di Asia Tenggara? [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah kuasa Barat memperkenalkan perubahan-perubahan tersebut? [6 markah]



- (a) Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid. [6 markah]
- (b) Nyatakan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menghargai kemerdekaan yang telah kita capai selama ini? [6 markah]

9 Rajah 1 menunjukkan pertubuhan dunia yang dianggotai oleh Malaysia.



- (a) Apakah faedah yang diperoleh Malaysia apabila menganggotai Pertubuhan Komanwel? [7 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan OIC. [8 markah]
- (c) Berikan cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan hubungan negara dengan sesebuah negara yang lain. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**Jabatan Pelajaran Perak
Peperiksaan Percubaan SPM 2011
Skema SEJARAH**

JAWAPAN

KERTAS 1

SOALAN	JAWAPAN	M/S	SOALAN	JAWAPAN	M/S
1	C	T4 - 8	21	B	T5 - 3
2	C	14	22	B	11
3	D	43	23	A	34
4	D	55	24	D	49
5	C	77	25	A	65
6	D	81	26	A	82
7	C	102	27	D	100
8	B	110	28	D	108
9	D	120	29	A	111
10	C	133	30	B	117
11	B	142	31	C	121
12	C	156	32	D	125
13	C	177	33	A	140
14	B	181	34	C	144
15	D	204	35	A	179
16	B	211	36	A	171
17	B	216	37	A	207
18	A	224	38	C	218
19	D	255	39	A	230
20	B	261	40	B	249

PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH

KERTAS 2

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	<p>Nyatakan dua cara pengaruh Hindu Buddha disebarluaskan ke Asia Tenggara</p> <p>F1 Ksyatria / tentera / penaklukan F2 Vaisya / pedagang/ aktiviti perdagangan F3 Golongan Brahmin/ pendeta/ golongan agama F4 pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang menarik / F5 penyesuaian aspek kebudayaan India dengan budaya tempatan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 X1</p>	1 1 1 1 1 [2 m]
(b)	<p>Senaraikan dua pengaruh Hindu Buddha dalam bidang pentadbiran dalam kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara</p> <p>F1 Mengamalkan sistem beraja F2 Raja adalah ketua kerajaan / Raja berada di puncak pentadbiran F3 raja berkuasa mutlak F4 menggunakan gelaran raja F5 Menguasai pentadbiran , hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara F6 perintah raja menjadi undang-undang / penggubal undang-undang F7 sesiapa yang langgar perintah dianggap derhaka / F8 penderhaka tidak diampunkan F9 Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah F10 konsep dewa raja / bayangan tuhan F11 Rakyat takut menderhaka walaupun raja tidak berlaku adil F12 Memiliki kesaktian dan menggunakan unsur mitos dan lagenda F13 Untuk memperkuatkan kedudukan raja F14 unsur mitos dan lagenda tentang asal usul raja F15 adat istiadat pertabalan raja / dipimpin golongan Brahmin F16 Raja berkuasa terhadap seluruh alam/ orde kosmos/ raja dewa F17 Raja adalah orde kosmos yang melambangkan konsep alam semesta F18 Raja dibantu oleh pembesar yang terdiri daripada pegawai tentera, hakim F19 di peringkat daerah terdapat pembesar daerah atau gabenor F20 Golongan Brahmin memainkan peranan dalam upacara keagamaan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 X1</p>	1 [2 m]
(c)	<p>Apakah kepentingan candi kepada kerajaan awal di Asia Tenggara ?</p> <p>F1 monumen keagamaan F2 tempat menyimpan abu jenazah raja/keluarga</p>	1 1

	F3 F4 F5 F6 F7 F8	tempat menyimpan patung dewa lambang keagungan pemerintah lambang orde kosmos lambang kehebatan ahli seni bina lambang keagungan sesebuah kerajaan rumah ibadat/ upacara kegamaan	1 1 1 1 1 1
			Mana-mana 2 X1 [2 m]
(d)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9	Nyatakan peranan bahasa sanskrit dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara? Bahasa intelek / ilmu Bahasa maklumat tentang agama/ pemerintahan/ raja/undang-undang/ Bahasa catatan pada batu bersurat menunjukkan arahan dan pemberitahuan yang ditujukan oleh pemerintah kepada rakyat Bahasa Keagamaan Bahasa pemerintahan perkataannya masih kekal dalam Bahasa Melayu Bahasa Kesusasteraan Bahasa komunikasi kerajaan awal di Asia Tenggara	1 1 1 1 1 1 1 1 1
			Mana-mana 2 X1 [2 m]
(e)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 M	Pada pendapat anda, bagaimakah generasi muda kini dapat mempertahankan kebudayaan kebangsaan daripada pengaruh budaya luar? Memahami budaya sendiri / negara Mempelajari segala aspek budaya tempatan Mengamalkan budaya tersebut dalam kehidupan seharian Tidak terikut-ikut dengan budaya luar Mengadakan kempen kesedaran tentang pentingnya mempertahankan budaya bangsa Memastikan rancangan-rancangan di televisyen memaparkan banyak budaya tempatan Media massa juga tidak digalakkan mempamerkan /mengagung agungka budaya luar / menapis budaya luar yang tidak sesuai Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1 1
			Mana-mana 2 X1 [2 m]

Soalan	Butiran		Markah
2 (a)	F1 F2	Namakan dua suku Arab yang menandatangani perjanjian tersebut. Aus Khazraj	1 1 Mana-mana 2 X1 [2 m]

(b)	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Nyatakan dua isi perjanjian Aqabah pertama Beriman dengan Allah dan Rasul Membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. Tidak melakukan amalan jahiliah Tidak mencuri Tidak minum arak Tidak membunuh bayi perempuan	1 1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]
(c)	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Senaraikan dua isi perjanjian Aqabah Kedua Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam Menjemput Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam Makkah berhijrah ke Madinah Mengukuhkan taat setia kepada Nabi Muhammad s.aw. Menyediakan tempat tinggal kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam Menjamin keselamatan Nabi Muhammad dan orang Islam Bersedia mempertahankan Islam	1 1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]
(d)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	Berikan dua kesan daripada perjanjian tersebut. Mendorong kejayaan hijrah Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah Orang Islam Makkah mendapat bantuan orang Arab Madinah Strategi penyebaran yang lebih luas / lebih aman Penyebaran Islam di Madinah / seluruh Tanah Arab Pembentukan masyarakat Islam yang kuat / sebuah ummah Menyatukan masyarakat Madinah / perpaduan Kelahiran sebuah negara Islam pertama di dunia	1 1 1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]
(e)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 M	Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada peristiwa perjanjian tersebut? Kita perlu sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong/bekerjasama Pentingnya pengorbanan untuk mencapai kejayaan Menepati janji Kesetiaan kepada pemimpin Mementingkan sikap berdisiplin Mewujudkan persefahaman Keikhlasan Semangat setia kawan Bersifat terbuka Berdiplomasi /tolak ansur Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]

Soalan	Butiran		Markah
3 (a)	F1	Nyatakan dua contoh persatuan Melayu yang telah ditubuhkan di Tanah Melayu Kesatuan Melayu Singapura Persatuan Sahabat Pena Malaya / PASPAM Persatuan Melayu Perak Persatuan Melayu Selangor Persatuan Melayu Negeri Sembilan Persatuan Melayu Pahang Kesatuan Melayu Muda	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]
(b)	F1 F2 F3 F4 F5	Apakah matlamat perjuangan persatuan Melayu di Sarawak? Mengeratkan perpaduan di kalangan orang Melayu Menggalakkan pendidikan Menjaga budaya bangsa Menjaga maruah bangsa Menegak/ mempertahankan agama Islam	1 1 1 1 1 [1 m]
(c)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9	Senaraikan tiga usaha yang telah dilakukan oleh Kesatuan Melayu Muda untuk mencapai matlamat politiknya Bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau British dari Tanah Melayu Menjadikan Kesatuan Melayu Muda sebuah badan propaganda Jepun Membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British Mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan Menubuhkan cawangan KMM untuk memperluaskan propaganda menentang British Maahad II Ihya Assyariff di Gunung Semanggol Perak menjadi penyokong KMM Menyediakan kader-kader yang dikenali sebagai tentera semut untuk menentang British Meminta Jepun memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia Berusaha ke arah menukuhan Melayu Raya / Indonesia Raya	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]
(d)	F1 F2 F3	Berikan dua isu yang dibincangkan persatuan-persatuan tersebut pada ketika itu Kemunduran orang Melayu dalam pendidikan Kemunduran orang Melayu dalam ekonomi Isu bahasa / mendaulatkan bahasa Melayu	1 1 1

	F4 F5 F6 F7 F8 F8 F10	Isu sastera Layanan pilih kasih British kepada anak negeri / orang Melayu Perpaduan di kalangan orang Melayu Kelemahan orang Melayu dalam politik / membela politik bangsa Kebajikan terhadap orang Melayu Penempatan orang Melayu di kawasan bandar Masalah kenegerian	1 1 1 1 1 1 1
(e)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 M	Pada pendapat anda, mengapakah orang Melayu pada masa itu digalakkan menubuhkan persatuan. Menggalakkan kesedaran untuk bersatu padu Membela kepentingan orang Melayu dalam semua bidang / politik/ekonomi/sosial Perpaduan untuk menghadapi masalah bersama Orang Melayu akan menjadi bertambah kuat Suara orang Melayu akan didengari oleh British Semangat kenegerian akan diatasi Orang Melayu tidak mudah ditindas Mengukuhkan kuasa politik orang Melayu Kebajikan orang Melayu akan terbela Memupuk semangat kebangsaan Usaha awal kearah kemerdekaan Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]

Soalan	Butiran		Markah
4 (a)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11	Senaraikan usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan / Termaktub dalam perlombagaan /Perkara 152 Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka / DBP Melancarkan Minggu Bahasa / Bulan Bahasa Melancarkan Slogan Bahasa Jiwa Bangsa Menubuhkan sekolah menengah yang menggunakan B.Melayu sebagai bahasa pengantar Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan pada 1967 Bahasa pengantar bahasa Inggeris ditukar kepada bahasa kebangsaan Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia Menjadikan bahasa Melayu, bahasa pengantar di semua sekolah Menggunakan Bahasa Melayu dalam mahkamah	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]
(b)		Apakah tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal?	

	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Menjadi panduan membentuk identiti negara Menjadi panduan mengekalkan identiti negara Mengukuhkan perpaduan Memupuk / pelihara keperibadian kebangsaan Memperkaya / pertingkatkan kualiti kehidupan Mewujudkan keseimbangan kemanusiaan dan kerohanian dengan sosioekonomi	1 1 1 1 1 1	Mana-mana 1 X1 [1 m]
(c)	F1 F2 F3 F4 F5	Apakah tujuan aktiviti sukan digalakkan oleh kerajaan. Mengeratkan hubungan kaum / perpaduan kaum Mewujudkan hubungan antara negeri Menyemarakkan semangat patriotik Tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum Memberi peluang seluas-luasnya kepada mereka yang berminat	1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]
(d)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 M	Mengapakah perpaduan penting kepada masyarakat di negara kita? Mewujudkan keamanan / keharmonian Menghindar perbalahan/pergaduhan kaum Mewujudkan kestabilan politik Memakmurkan ekonomi Menanam semangat patriotism Mempertahankan negara daripada ancaman musuh Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1	Mana-mana 2 X1 [2 m]
(e)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 M	Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah semangat perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum di sekolah? Menggunakan bahasa kebangsaan semasa berkomunikasi Mengamalkan budaya yang baik Menghormati aktiviti kebudayaan bangsa / kaum lain Mengadakan aktiviti perkhemahan pelbagai kaum Merancang aktiviti yang boleh disertai pelbagai kaum Menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah Menganjurkan aktiviti sukan yang tidak berteraskan kaum Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1 1	Mana-mana 3 X1 [3 m]

Soalan	Butiran		Markah
5(a)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12 F13 F14 F15 F16 F17 F18 F19	Nyatakan pengaruh Islam dalam sistem pentadbiran dan politik di Tanah Melayu Memperkenalkan institusi kesultanan Berasaskan pemerintahan Islam Ubah kedudukan dan corak institusi raja di Tanah Melayu Istilah bagi Sultan, Zillullah fil-alam dan Zillullah fil-ardh Sultan dianggap bayangan Allah di muka bumi Gelaran sultan digunakan dalam institusi raja Gelaran Khalifatul Mukminin /Pemimpin bagi orang mukmin Nasab keturunan merujuk kepada tokoh Islam / seperti Iskandar Zulkarnain Wujud institusi kesultanan Institusi kesultanan kekal sebagai institusi warisan Institusi kesultanan berpegang kepada konsep daulat Sultan sebagai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan Pentadbiran sultan dibantu oleh lapisan pembesar Ulama/ mufti menjadi penasihat kepada sultan Wujud pegawai petugas seperti kadi / khatib/ bilal/ pemungut zakat/ penyelia baitulmal/ penjaga harta wakaf Islam dijadikan agama rasmi Unsur Islam digunakan pada negeri Nama raja juga menggunakan nama Islam Undang-undang syariah diperkenalkan Di Negeri Sembilan kuasa tertinggi pada Yang Dipertuan Besar	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
			[8 m]
(b)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12 F13 F14 F15	Bagaimakah raja mengukuhkan kedudukan baginda dalam pemerintahan? Berpegang kepada konsep daulat Seseorang raja mempunyai kuasa tertentu Membolehkan sesiapa yang mengingkarinya dianggap derhaka Rakyat yang menderhaka akan menerima akibat / tulah Menjadi pengikat antara golongan rakyat dan pemerintah Dipegang sebagai sesuatu yang dipercayai kebenarannya Mengangkat kedudukan sultan ke tahap yang tinggi Menimbulkan penghormatan rakyat terhadap institusi sultan Pelbagai adat istiadat diwujudkan Cara berpakaian Jenis pakaian Bahasa dan pengucapan/ bahasa istana Tingkah laku Istiadat Pertabalan Nobat	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

			Mana-mana 6 x 1	[6 m]
(c)		<p>Sebagai seorang rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu mempertahankan sistem beraja di negara kita?</p> <p>F1 Raja merupakan Ketua negara F2 Raja lambang kedaulatan negara F3 Warisan turun temurun sejak Kesultanan Melayu Melaka F4 Lambang keamanan / keharmonian rakyat F5 Lambang perpaduan/ penyatuan masyarakat pelbilang kaum F6 Pelindung bagi semua rakyat Malaysia F7 Pelindung orang-orang Melayu / bumiputera F8 Menjaga hak dan keistimewaan penduduk Melayu/ Sabah / Sarawak F9 Memastikan keadilan dilaksanakan F10 Melicinkan pentadbiran M Mana-mana jawapan calon yang munasabah</p>		

Soalan	Butiran		Markah
6(a)	F1	<p>Jelaskan sebab-sebab kedatangan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu.</p> <p>F1 kepesatan sektor pertanian/ perladangan getah dan perlombongan bijih timah F2 berlaku masalah kekurangan buruh F3 Dasar penjajahan British menggalakkkan penghijrahan F4 kedatangan mereka tidak ditentang oleh orang Melayu F5 wujudnya hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan India F6 kemakmuran ekonomi Tanah Melayu F7 kestabilan politik di Tanah Melayu F8 kekayaan sumber alam F9 kemiskinan / bencana alam di negara asal F10 peluang pekerjaan di Tanah Melayu</p>	1
			Mana-mana 6 X1 [6 m]
(b)		<p>Terangkan cara kemasukan buruh asing ke Tanah Melayu</p> <p>i. Buruh dari China.</p> <p>F1 Sistem Tiket Kredit H1a Imigran dikumpulkan dari kampung-kampung di negeri China oleh Kheh-thau(ketua) H1b Ketua dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran yang dibawa H1c Bakal imigran dikenali sin-kheh H1d Imigran diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal / agensi buruh H1e Sin kheh perlu membuat perjanjian secara lisan / bertulis untuk menjelaskan hutang bekerja dengan majikan berkenaan dalam tempoh</p>	1

	H1f	tertentu	1
	H1g	Mereka akan dibekalkan tiket menentukan pelabuhan yang mereka tuju / keterangan sama ada mereka bebas atau berhutang	1
	H1h	apabila sampai di pelabuhan imigran akan diambil pemborong buruh/ orang tengah untuk mendapatkan majikan	1
	F2	Sistem Pengambilan Kakitangan	1
	H2a	majikan yang perlukan buruh akan hantar pegawainya ke China	1
	H2b	tambang dan perbelanjaan buruh dibiayai majikan	1
	H2c	Pegawai bertanggungjawab iringi buruh-buruh hingga sampai ke tempat majikannya	1
	F3	Sistem Pengambilan Rumah Kongsi	1
	H3a	pengambilan buruh dilakukan pegawai di China yang dilantik sesebuah rumah kongsi	1
	H3b	pegawai akan biaya perbelanjaan buruh-buruh hingga mereka sampai ke tempat majikan	1
	H3c	bayaran dalam kadar tertentu akan dibuat apabila buruh-buruh sampai ke rumah kongsi	1
	F4	Kemasukan buruh secara berkumpulan	1
	H4a	kemasukan imigran China berketurunan Foochow ke Sarawak	1
	H4b	wujudnya persetujuan antara Ketua Foochow di Sibu, dengan Charles Brookes	1
	H4c	kemasukan mereka ditaja oleh Charles Brooke melalui syarikatnya yang beribu pejabat di Singapura	1
	H4d	Imigran ini diperlukan untuk mengusaha tanah dan membangunkan sektor pertanian gambir dan lada	1
			Mana-mana 4 X1 [4 m]
	ii. Buruh dari India		
	F5	Sistem Buruh Bebas	1
	H5a	imigran datang sendiri dengan biayaan masing-masing	1
	H5b	kedatangan mereka diatur oleh kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi	1
	H5c	setelah tiba mereka bebas pilih tempat dan pekerjaan yang dikehendaki	1
	F6	Sistem kontrak	1
	H6a	majikan akan biaya tambang imigran ke Tanah Melayu	1
	H6b	sebagai balasan, buruh tersebut akan bekerja dengannya untuk jangka masa tertentu	1
	H6c	keadaan ini menyebabkan berlaku pemerasan dan penindasan terhadap buruh	1
	H6d	diganti dengan sistem kanggani melalui Undang-Undang Tabung Imigran India	1
	F7	Sistem Kanggani	1

	H7a H7b H7c H7d H7e H7f	bermaksud ketua / tandil / mandur seorang kanggani diberikan kepercayaan oleh majikan dan akan diberi lesen kanggani akan dihantar ke India untuk cari tenaga buruh Kanggani diberi wang pendahuluan untuk biaya perbelanjaan buruh Sistem ini menjadikan kanggani sebagai pengurus agensi membawa masuk buruh asing sistem ini diharamkan pada 1938 kerana wujudnya penyelewengan oleh kanggani itu sendiri.	1 1 1 1 1 1
(c)		Pada pendapat anda, apakah kesan kehadiran buruh asing ke Tanah Melayu pada ketika itu? F1 pembentukan masyarakat pelbagai kaum F2 penempatan yang berbeza F3 orang Melayu tinggal di kampung / di luar bandar F4 orang India di estet / ladang F5 orang Cina di lombong / bandar F6 pekerjaan yang berbeza mengikut fungsi ekonomi F7 orang Melayu bertani / miskin F8 orang India menjadi buruh F9 orang Cina menjadi peniaga / bekerja di lombong F10 bahasa pertuturan yang berbeza F11 tidak terdapat kesepaduan di kalangan penduduk F12 interaksi/ hubungan sosial yang tidak meluas F13 menyulitkan proses perpaduan nasional F14 sistem pendidikan yang berbeza / sistem vernakular F15 Meningkatkan/ mengembangkan ekonomi F16 wujud perbezaan / jurang sosial F16 memajukan sektor perladangan/ perlombongan F17 pertambahan penduduk M Mana-mana jawapan calon yang munasabah	Mana-mana 4 X1 [4 m]

Soalan	Butiran		Markah
7(a)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9	Jelaskan perubahan-perubahan yang diperkenalkan mereka. pengenalan sistem pentadbiran berpusat / penyatuan pentadbiran perlantikan gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir pelaksanaan pentadbiran melalui biro pegawai Barat sebagai ketua biro pengenalan undang-undang Barat Di Filipina daerah-daerah kecil / barangay disatukan peringkat pentadbiran tempatan diperkenalkan Sistem Encomienda diketuai oleh Encomiendaro Di Indonesia pentadbiran terbahagi kepada dua iaitu pentadbiran pusat dan pentadbiran tempatan	1 1 1 1 1 1 1 1 1

	F10 F11 F12 F13 F14 F15 F16 F17 F18 F19 F20 F21 F22 F23 F24 F25 F26 F27 F28 F29 F30 F31 F32 F33 F34 F35 F36	Pentabiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral Pentadbiran tempatan dikendalikan oleh pembesar tempatan dengan pengawasan pegawai Belanda penubuhan jabatan-jabatan seperti Jabatan Pelajaran dan Jabatan Pertanian Penubuhan Dewan Tempatan yang berfungsi sebagai penasihat pentadbiran Belanda Penubuhan Volksraad /Majlis Rakyat ke arah berkerajaan sendiri Di Burma diperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma dan Akta Perkampungan Burma penubuhan Majlis Perundangan dan jabatan di Burma seperti Jabatan perhutanan/ jabatan kesihatan/ jabatan pelajaran Di Indochina, pentadbiran diketuai oleh Gabenor Jeneral yang bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris Perancis menubuhkan Union Indochinoise semua rang undang-undang di Indochina diluluskan oleh Parlimen Perancis Di Tanah Melayu, Pulau Pinang, Melaka dan Singapura disatukan di bawah negeri-negeri Selat diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral dibantu oleh residen kaunselor pentadbiran di peringkat kampung dikekalkan / diketuai oleh penghulu Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu diperkenalkan Sistem Residen Kedah, Terengganu, Kelantan, Perlis dan Johor dijadikan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu Sistem Penasihat diperkenalkan Pengenalan Sistem kutipan cukai pembahagian negeri kepada beberapa daerah penubuhan balai polis Di Thailand birokrasi Barat diperkenal sendiri oleh Raja Chulalongkorn dan Raja Mongkut Perlantikan pegawai-pegawai Barat mengetuai jabatan-jabatan kerajaan dan melatih pegawai tempatan Pegawai Britain dilantik Penasihat Kewangan dan pelabuhan Penasihat kastam dan ketenteraan dari Amerika dan Perancis memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah/ Majlis Mesyuarat Tertinggi / Kabinet Menteri Juru audit dari Britain dilantik dalam perbendaharaan negara	1 [6 m]
(b)		Nyatakan kesan pelaksanaan sistem birokrasi Barat terhadap pemerintahan tradisional negara-negara di Asia Tenggara	
	F1 F2 F3 F4	Di Filipina menyebabkan kemerosotan sistem pemerintahan tradisional pengaruh golongan datu turut merosot rakyat dikenakan cukai tinggi rakyat juga dikenakan kerahan tenaga	1 1 1 1

	F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12 F13 F14 F15 F16 F17 F18 F19 F20 F21 F22 F23 F24 F25 F26 F27	agama kristian disebarkan / dianuti penduduk tempatan / barangay Di Indonesia peranan raja / pembesar daerah / bupati diambil alih oleh pegawai Barat Walupun ditubuhkan Dewan Tempatan tetapi mereka tiada kuasa perundangan Rakyat Indonesia dilatih ke arah berkerajaan sendiri Di Burma berakhirnya dinasti Konbaung di Burma Sistem pentadbiran tradisional lenyap pengaruh golongan agama merosot fungsi raja sebagai penaung sami Buddha diambil alih undang-undang Barat Di Indochina kemerosotan kuasa golongan Mandarin Pentadbiran dikuasai sepenuhnya oleh Perancis Walaupun pentadbiran tempatan tidak dicampuri kerajaan pusat tetapi mereka perlu membayar cukai Rakyat Indochina juga dikehendaki menyediakan kerahan tenaga Di Tanah Melayu, penaklukan Portugis di Melaka, telah menyebabkan institusi raja yang dibina sejak Kesultanan Melayu Melaka runtuh Semasa pemerintahan Belanda di Melaka, institusi raja terus terhapus rakyat dibebani dengan pelaksanaan sistem pembayaran cukai kuasa pembesar Melayu turut terjejas apabila diambil alih pegawai British Walaupun pentadbiran negeri tidak berubah, namun raja hanya berkuasa dalam hal ehwal agama Islam dan adat resam di Thailand muncul golongan baru terdiri daripada pentadbir yang mempunyai kedudukan dalam birokrasi moden berdasarkan tahap pendidikan sistem raja berperlembagaan mengurangkan pengaruh institusi raja birokrasi Barat berjaya mengekalkan kemerdekaan Thailand institusi Raja masih kekal tapi peranannya berkurangan birokrasi Barat mengambil alih peranan raja dan pembesar tercetus gerakan nasionalisme di Asia Tenggara	1 1
	Mana-mana 8 X1 [8 m]		
(c)	Pada pendapat anda, mengapakah kuasa Barat memperkenalkan perubahan-perubahan tersebut?	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	untuk menguasai ekonomi tanah jajahan menguasai pentadbiran tanah-tanah jajahan memudahkan mereka meluaskan pengaruh mengekalkan kuasa /pengaruh politik di tanah jajahan mendapatkan cukai / pendapatan / keuntungan memperoleh buruh yang murah melalui kerahan tenaga menyebarluaskan agama kristian meluaskan kawasan takluk / tanah jajahan menyebarluaskan budaya Barat menguasai jabatan-jabatan kerajaan menghapuskan kuasa raja dan pembesar		

	F12 M	memudahkan mereka menjalankan pentadbiran / melicinkan pentadbiran Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 Mana-mana 6 X1 [6 m]
--	----------	--	-----------------------------------

Soalan	Butiran		Markah
8 (a)	Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid		
	F1 Membincang Perlembagaan yang merdeka	1	
	F2 Menyusun pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu	1	
	F3 Merangka sebuah perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka	1	
	F4 Menjadikan beberapa isu sebagai panduan pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan	1	
	F5 Memberi kuasa autonomi kepada kerajaan negeri dalam bidang tertentu	1	
	F6 Mengambil kira isu kedudukan raja-raja Melayu	1	
	F7 Menjaga kedudukan dan hak istimewa orang Melayu	1	
	F8 Mewujudkan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu	1	
	F9 Mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu	1	
	F10 Menerima kerakyatan/ prinsip jus soli	1	
	F11 Memasukkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi	1	
	F12 Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi	1	
	F13 Menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak	1	
	F14 Memberi perhatian utama cadangan Parti Perikatan	1	
		Mana-mana 8 x 1	[8 m]
(b)	Nyatakan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?		
	F1 Sebuah kerajaan Persekutuan dibentuk	1	
	F2 Kuasa Persekutuan dipisahkan dengan kuasa negeri	1	
	F3 melalui senarai Persekutuan dan Senarai Negeri	1	
	F4 Institusi Raja dijadikan Raja berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara	1	
	F5 Tiga jenis kerakyatan diwujudkan	1	
	F6 Kerakyatan berasaskan kuatkuasa undang-undang, permohonan dan naturalisasi	1	
	F7 Kerakyatan berasaskan prinsip Jus Soli diterima	1	
	F8 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan	1	
	F9 Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan	1	
	F10 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1	
	F11 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1	
	F12 Yang Di-pertuan Agong sebagai ketua negara	1	
	F13 Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1	
	F14 Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran negeri	1	
	F15 Menteri Besar dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan Exco	1	
		Mana-mana 8 X1	[8 m]
(c)	Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menghargai kemerdekaan yang telah kita capai selama ini ?		
	F1 Negara kita bebas daripada belenggu penjajahan	1	
		1	

	F2 F3 F4 F5 F6 F7 M	Mewujudkan keamanan dan kestabilan negara Membentuk masyarakat yang bersatu-padu Menegakkan maruah bangsa dan kedaulatan negara Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial Berusaha melahirkan warganegara yang patriotik Menjadi negara berdaulat Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1
			Mana-mana 4 X1 [4 m]

Soalan	Butiran		Markah
9(a)	Apakah faedah yang Malaysia perolehi apabila menganggotai Pertubuhan Komanwel?		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12 F13 F14	Mendapat manfaat daripada Rancangan Colombo. Mendapat bantuan teknikal. Biasiswa dalam pendidikan Cukai eksport rendah ke negara Komanwel Menjadi tuan rumah Persidangan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 1989. Mesyuarat CHOGM membincangkan kepentingan bersama Mengisyiharkan Deklarasi Langkawi Dapat mengatasi masalah pencemaran Bersuara menentang Dasar Apartied. Memperoleh kerjasama pertahanan. Menyekat keganasan Parti Komunis Malaya. Perjanjian pertahanan dengan Britain, Australia, New Zealand. Mandapat bantuan tentera komanwel apabila diserang. Menganjurkan Sukan Komanwel tahun 1998.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
			Mana-mana 8 X1 [8 m]
(b)	Jelaskan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan OIC.		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12 F13 F14 F15 F16	Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung pertama. Perantara dalam menyelesaikan perperangan Iran-Iraq. Menyokong perjuangan rakyat Palestin mendapatkan semula tanahair. Menjadi tuan rumah Persidangan OIC tahun 1974/2003. Menganjurkan persidangan menentang pengganas 2002. Menawarkan biasiswa kepada para pelajar dari negara OIC untuk belajar di UIA Menubuhkan UIAM dengan bantuan OIC. Mengesyorkan penggunaan mata wang dinar untuk urusan perdagangan/kegiatan Ekonomi Mendapat faedah daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek pembangunan. Mendapat penghormatan daripada negara anggota. Serius memperjuangkan hak dan kebijakan negara Islam Membantu negara Islam lain yang menghadapi masalah. Menghantar pasukan perubatan ke Lubnan/Bosnia/ Afghanistan. Memberi bantuan kewangan kepada negara-negara Islam yang kurang	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

		maju seperti Sudan/Nigeria/Chad.	Mana-mana 8 X1	1 [8 m]
(c)		Berikan cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan hubungan sesebuah negara dengan negara yang lain.		
	F1	Anggota perlu bersatu dalam menjaga kepentingan bersama		1
	F2	Saling membantu apabila diserang musuh/diceroboh		1
	F3	Sering mengadakan pertemuan/mesyuarat		1
	F4	Kerjasama dalam ekonomi.		1
	F5	Kerjasama dalam bidang pertahanan.	Kerjasama	1
	F6	kerjasama politik.		1
	F7	Bertindak satu suara.		1
	F8	Kerjasama dalam bidang ilmu pengetahuan		1
	F9	Pertukaran teknologi		1
	F10	Menghormati kedaulatan negara lain.		1
	F11	Mengadakan hubungan dua hala.		1
	F12	Pertukaran budaya		1
	M	Mana-mana jawapan calon yang munasabah.	Mana-mana 4 X1	1 [4 m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT